



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM  
JABATAN ALAM SEKITAR

# Laporan Tahunan 2022



## JABATAN ALAM SEKITAR


Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Laporan Tahunan

JABATAN ALAM SEKITAR

W.P. KUALA LUMPUR





KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM  
JABATAN ALAM SEKITAR

# Laporan Tahunan 2022



**JABATAN ALAM SEKITAR**

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



# KANDUNGAN

Sekapur Sirih

## BAB 1

Pentadbiran & Kewangan

Carta Organisasi Jabatan  
Alam Sekitar Wilayah  
Persekutuan Kuala  
Lumpur

Struktur Perjawatan JAS  
WPKL Bagi Tahun 2022

Unit Teknologi Maklumat

Kelengkapan ICT

## BAB 2

Bahagian Pembangunan

Unit Penilaian EIA/ Input  
Pembangunan/ Notifikasi  
Kelulusan Bertulis

Penilaian Laporan EIA

Geographical Information  
System (GIS)

Penguatkuasaan Projek  
EIA



## **BAB 3**

Bahagian Operasi

Penguatkuasaan Loji  
Pengolahan Kumbahan

Unit Kenderaan Bermotor

Operasi Bersepadu

Operasi Catat

Aduan Pencemaran Yang  
Diterima

Tindakan Perundangan

Tindakan Mahkamah

## **BAB 4**

Pengawasan

Promosi Kesedaran Alam  
Sekitar

## SEKAPUR SIREH



**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

**Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana  
dengan limpah kurnia-NYA maka  
Jabatan Alam Sekitar Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur telah  
berjaya menerbitkan Laporan  
Tahunan Jabatan bagi tahun 2022.**

Laporan Tahunan ini menerangkan mengenai pencapaian keseluruhan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JASWPKL) sepanjang tahun 2022 selaras dengan mandat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, (AKAS) 1974. Saya berharap laporan ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan memberi manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan.



Dalam mengembeling segala usaha dan tenaga ke arah pembangunan lestari, penekanan yang berterusan diberi di dalam mencegah dan mengawal pencemaran air, pencemaran udara dan pengurusan buangan terjadual. Pemeriksaan ke atas punca-punca pencemaran telah dipertingkatkan dan dimantapkan. Mana-mana orang atau premis yang telah melakukan kesalahan di bawah AKAS 1974 dan mencemar alam sekitar sudah pasti akan dikenakan tindakan undang-undang yang tegas. Besarlah harapan Jabatan ini agar segenap lapisan masyarakat dapat berganding bahu dan membentuk sinergi untuk melindungi alam sekitar yang dicintai seiring dengan pembangunan yang lestari.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja JASWPKL, semua agensi-agensi sahabat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutamanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalanraya, pemain-pemain Industri, Badan Swasta, Rakan Strategik Alam Sekitar, Rakan Alam Sekitar (RAS), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan setiap individu yang telah memberikan komitmen serta kerjasama erat dalam mendukung tanggungjawab memelihara dan memulihara alam sekitar kita untuk kesejahteraan generasi akan datang.

Saya menyeru kepada semua agar lebih menghargai kesejahteraan alam sekitar sementara ia masih ada dan seharusnya harta yang tak ternilai ini perlu kita kembalikan kepada anak-anak cucu kita dalam keadaan asal kerana kita sebenarnya 'meminjamnya' daripada mereka.

**ZURAINI BINTI AHMAD TAJUDIN**  
**PENGARAH**  
**JABATAN ALAM SEKITAR**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**





# JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2022

L4-I-3, HIVE 5, TAMAN TEKNOLOGI MRANTI,  
LEBUHRAYA PUCHONG SG. BESI, BUKIT JALIL,  
57000 KUALA LUMPUR

2022



**PEGAWAI** 51 (Teknikal)  
16 (Pentadbiran)



**KENDERAAN** 10

**KELUASAN** 243km<sup>3</sup>

**PENDUDUK WPKL**  
1.95 Juta orang

- MRT Laluan 2;
- Lebuhraya SPE;
- Lebuhraya SUKE;
- Kompleks penyelidikan UPNM, Kem Sungai Besi;
- Loji kumbahan Serantau Batu, Jinjang;
- Seksyen 57, Jalan Raja Chulan
- KL East, Mukim Setapak;
- Kg. Kerinchi & Pantai Dalam;
- Jln Lingkaran Tengah II, Taman Beringin; dan
- Taman Persekutuan, Bukit Kiara.



10

PROJEK EIA

KENDERAAN BERDAFTAR



6.58 Juta

INDUSTRI

LEMBANGAN SUNGAI



1 • Sg. Klang

ADUAN DITERIMA



UDARA

- Batu Muda;
- Cheras; dan
- Putrajaya.

3

SG. KLANG


- Manual River Water Quality Monitoring (27).

1

AIR TANAH

- Taman Beringin Kepong (2);
- Jalan Sungai Besi (3);
- Royal Selangor Golf House (1); dan
- Taman Wetland Putrajaya (1).

7



**BIL. KOMPAUN : 774**  
**HASIL : RM 345, 600.00**



JABATAN ALAM SEKITAR [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)



[eaudan.doe.gov.my](http://eaudan.doe.gov.my)  
Hotline : 1-800-88-27-27  
HP/WHATSAPP : 012-5543501



## JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2022

L4-1-3, HIVE 5, TAMAN TEKNOLOGI MRANTI,  
LEBUHRAYA PUCHONG SG. BESI, BUKIT JALIL,  
57000 KUALA LUMPUR

# 2022



### BAHAGIAN PEMBANGUNAN

#### PENILAIAN EIA, INPUT PEMBANGUNAN, NOTIFIKASI & GEOSPATIAL



- 55 pemohonan input pembangunan (swasta, PBT & agensi kerajaan);
- Daripada 4 laporan EIA yang telah diproses, hanya 1 sahaja yang diluluskan;
- Berjaya mengekalkan pematuhan kepada Objektif Kualiti MS ISO 9001:2015;
- Tempoh memproses Laporan EIA adalah 25 hari bekerja;
- 268 Pemberitahuan Bertulis & 136 Perisytiharan Bertulis SKPU;
- 91 penerbangan dron bagi kerja-kerja pemantauan & penguatkuasaan AKTA 1974; dan
- 4 siri latihan dron.

#### POST EIA



- 93 penguatkuasaan terhadap kesemua projek EIA;
- 23 Notis Arahan; dan
- 4 kompaun telah dikeluarkan.

#### PENGAWASAN & KESEDARAN



- Pengawasan kualiti air tanah, udara dan air sungai;
- Pengawasan secara pemantauan dilapangan dan pemantauan secara *desktop* melalui sistem EQMP & E-KAS;
- Pengawasan Kualiti Udara - 3 stesen CAQM & 3 stesen MAQM;
- Pengawasan Kualiti Air Sungai - 1 stesen CRWQM & 27 stesen MRWQM; dan
- 44 siri ceramah & 37 aktiviti pameran alam sekitar.



### BAHAGIAN OPERASI

#### KENDERAAN MOTOR



- Operasi Statik (15 operasi);
- Operasi Bersepadu (77 operasi);
- Operasi Catat (197 operasi);
- Kawalan Puncak ke atas Pengendali Berkumpulan/*Fleet Operator* (31 siasatan);
- Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam (12 siasatan);
- Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) (79 buah kenderaan);
- Kawalan pelepasan gas daripada kenderaan petrol (13 operasi);
- Kawalan pelepasan bunyi bising daripada motosikal (74 operasi); dan
- Kawalan pelepasan gas daripada motosikal (5 operasi).

#### PYDT & LOJI KUMBAHAN




- Premis Yang Ditetapkan (PYDT), 21 siasatan penguatkuasaan, 2 Notis Arahan dan 1 kompaun;
- Loji pengolahan kumbahan IWK & persendirian, 128 siasatan penguatkuasaan, 26 Notis Arahan, 15 kompaun dan 3 kertas siasatan.

#### PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN



- Kategori Pembuatan, Bukan Pembuatan, Tapak Pelupusan Sampah dan Loji Rawatan Air;
- 1054 penguatkuasaan di K.Lumpur dan 37 penguatkuasaan di Putrajaya;
- 12 siri Ops Gempur;
- 77 Notis Arahan;
- 55 kompaun; dan
- 4 kertas siasatan.

#### UNIT ADUAN



- 568 aduan yang diterima;
- 301 rondaan Ops Mencegah Pembakaran Terbuka;
- Program bersama komuniti "Program Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut"; dan
- Latihan Hands-On Drone DJI Mavic 3.



JABATAN ALAM SEKITAR

[www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)



[eaduan.doe.gov.my](mailto:eaduan.doe.gov.my)  
Hotline : 1-800-88-27-27  
HP/WHATSAPP : 012-5543501

# **BAB 1**

**Pentadbiran & Kewangan**

**Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Wilayah  
Persekutuan Kuala  
Lumpur**

**Struktur Perjawatan JAS WPKL Bagi Tahun 2022**

**Unit Teknologi Maklumat**

**Kelengkapan ICT**

## PENTADBIRAN & KEWANGAN

### Struktur Organisasi

Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur (JASWPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 dibantu oleh Timbalan Pengarah Gred C52 dan Ketua Penolong Pengarah C48 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia.

Pada tahun 2022, telah berlaku dua pertukaran pengarah JASWPKL, di mana mantan Pengarah Encik Ts Azlan bin Ahmad bertukar ke Bahagian Berbahaya JAS Ibu Pejabat setelah berkhidmat selama dua (2) tahun (30 Disember 2019 sehingga 02 Januari 2022) dan diganti dengan YM Tunku Khalkausar bin Tunku Fathahi @ Tunku Fathi berkuatkuasa 03 Januari 2023. Pada 15 Mei 2023 YM Tunku Khalkausar binti Tunku Fathahi @ Tunku Fathi selaku pengarah JAS WPKL telah bersara pilihan setelah menyumbang bakti dari 03 Januari 2023 sehingga 14 Mei 2023) dan kekosongan jawatan pengarah ditanggung oleh Timbalan Pengarah Dato' Dr. Ezanni bin Mat Salleh.

JASWPKL telah menerima Senarai Perjawatan Bekalan 33 dari Kementerian Alam Sekitar dan Air di mana bilangan perjawatan semasa untuk JASWPKL adalah 76 perjawatan. Struktur Organisasi Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah terdiri dari Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi, Bahagian Pentadbiran & Kewangan dan Teknologi Maklumat. Carta Organisasi adalah seperti di Rajah 1.1.





## STRUKTUR PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2022, pengisian perjawatan JASWPKL adalah sebanyak 65 daripada 76 perjawatan mengikut Surat Pemberitahuan Penempatan berdasarkan B.30 yang terdiri daripada 10 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 60 orang dari Anggota Kumpulan Pelaksana. Senarai Perjawatan adalah seperti di Jadual 1.1.

**Jadual 1.1: Struktur Perjawatan JAS WPKL bagi tahun 2022**

Bil	Jawatan	Jumlah	Pengisian	Kosong
1.	Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C54	1	0	1
2.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C52	1	1	0
3.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48	1	1	0
4.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44	3	3	0
5.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41/C44	6	5	1
6.	Penolong Jurutera Gred JA29 KUP JAS/Kader JKR	2	2	0
7.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C38	2	1	1
8.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C32	11	11	0
9.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29	15	12	3
10.	Penolong Jurutera JA29	16	14	2
11.	Juruteknik J22	1	1	0
12.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	1	1	0

13.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29	1	1	0
14.	Penolong Akauntan Gred W29	2	2	0
15.	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19	1	1	0
16.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19/N22	4	3	1
17.	Pembantu Operasi Gred N11	1	1	0
18.	Pemandu Gred H11	7	7	0
<b>JUMLAH</b>		<b>76</b>	<b>67</b>	<b>9</b>

## LATIHAN DAN KURSUS

Kementerian Alam Sekitar Dan Air (KASA) telah menetapkan setiap pegawai perlu menghadiri empat (4) hari berkursus atau latihan bagi tahun 2022. Seramai 67 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur (JASWPKL) telah melaksanakan keperluan empat (4) hari berkursus sepanjang tahun 2022.

## PENGURUSAN KEWANGAN

### Peruntukan Kewangan

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diperuntukkan sebanyak **RM 4,993,689.86** daripada Ibu Pejabat untuk Belanja Mengurus dan sebanyak **RM 194,347.90** bagi Vot Pembangunan dengan pecahan program seperti **Jadual 1.2** di bawah.

**Jadual 1.2: Vot Pembangunan dengan pecahan program**

Bil	Program	Jumlah Peruntukan
1.	Pemantapan Smart Enforcement bagi Jabatan Alam Sekitar melalui Pendekatan Forensik, Teknologi dan Saintifik.	RM 49,943.00
2.	Memperkasakan Pengurusan, Pengawasan dan Penguatkuasaan Alam Sekitar menerusi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).	RM 2,250.00

3.	Pembangunan Program Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran untuk Mengatasi Jerebu.	RM 97,154.90
4.	Pemerkasaan dan Pembudayaan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar.	RM 45,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 194,347.90</b>

### Terimaan Hasil

Kutipan hasil yang diterima bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM176,660.09 dengan dengan pecahan terimaan hasil 2022 adalah seperti **Jadual 1.3** di bawah.

**Jadual 1.3: Pungutan hasil mengikut aktiviti bagi tahun 2022**

Kod	Aktiviti	Jumlah Kutipan (RM)
H0176199	Bayaran Kompaun	160,600.00
H171408	Proses Lesen	1,300.00
B0112199	Elaun Tetap yang lain	97.87
B0111101	Gaji Biasa Kakitangan Awam	14,662.22
<b>JUMLAH</b>		<b>176,660.09</b>

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat di JASWPKL. Antara aktiviti pada tahun ini, Unit Teknologi Maklumat bersama Bahagian Pembangunan JASWPKL telah mengadakan seminar secara maya dan juga secara fizikal untuk memberikan pengetahuan dan membangkitkan kesedaran kepada pengguna di luar sana betapa pentingnya penjagaan Alam Sekitar.

### **Sistem Atas Talian (Online Services)**


Terdapat beberapa sistem atas talian yang digunapakai oleh Jabatan dan para pemain industri bagi memudahkan kerja-kerja seharian. Antaranya ialah:

### **E-KAS**

Singkatan kepada Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar merupakan sistem aplikasi bersepadu yang menampung kapasiti data-data dan maklumat berkaitan dengan punca-punca pencemar yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

### **Environmental Knowledge Management Centre (EKMC)**

Merupakan perpustakaan khas untuk rujukan berkaitan Alam Sekitar dan ianya menyediakan satu sistem dalam memudahkan warga JAS dan orang awam mencari bahan ilmiah dengan cepat dan tepat.



### Online Emission Report (OER)

Pelaporan maklumat alam sekitar melalui atas talian adalah bertujuan untuk memberi maklumat kepada pihak yang berkepentingan mengenai tahap pematuhan terhadap alam sekitar oleh sesuatu premis dengan lebih cepat, terkini dan berkesan.

### Environmental Quality Monitoring Programme (EQMP)

JAS memantau dengan teliti kualiti alam sekitar negara melalui rangkaian stesen pemantauan alam sekitar untuk mengesan sebarang perubahan ketara dalam kualiti alam sekitar yang boleh membahayakan kesihatan manusia dan alam sekitar. Maklumat yang dikumpul oleh EQMP dikongsi dengan orang ramai melalui portal Sistem Pengurusan Indeks Kualiti Air Sungai (RQIMS) dan juga Sistem pengurusan Indeks Kualiti Udara (APIMS).

### E-MAINS

Dengan matlamat untuk membangunkan industri dan pihak yang terlibat di dalam projek pembangunan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memulakan program Pematuhan Kendiri Terpimpin (Guided Self Regulation, GSR) melalui system ini.

### Elektronik Schedule Waste Information System (e-SWIS)

Merupakan Alat Pengarusperdanaan Alam Sekitar untuk Pematuhan Kendiri Terpimpin dan mewujudkan sistem kawal selia sendiri yang boleh

memudahkan penjana buangan terjadual untuk menguruskan buangan terjadual dengan mematuhi Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Kualiti Alam Sekitar (Premis Ditetapkan) (Buangan Terjadual Peraturan Kemudahan Rawatan dan Pelupusan) 1989.

Sepanjang tahun 2022 sebanyak 159 punca telah dikemaskini ke dalam sistem e-KAS. Manakala e-SWIS pula sebanyak 484 premis telah didaftarkan sebagai pengguna sistem. Ini termasuk pengguna premis, bengkel dan sisa klinikal.

## KELENGKAPAN ICT

Pada tahun 2022, Unit Teknologi Malumat telah menerima pempamer ARVIA sebanyak dua (2) unit, lapan (8) unit komputer peribadi, satu (1) unit *workstation* PC, tiga (3) unit pencetak berwarna daripada Ibupejabat JAS untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di JASWPKL. Secara keseluruhan, kesemua pegawai dan kakitangan di JASWPKL telah menerima kelengkapan tersebut bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas masing-masing

# **BAB 2**

**Bahagian Pembangunan**

**Unit Penilaian EIA/ Input Pembangunan/ Notifikasi  
Kelulusan Bertulis**

**Penilaian Laporan EIA**

**Geographical Information System (GIS)**

**Penguatkuasaan Projek EIA**

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

### PENILAIAN EIA/ INPUT PEMBANGUNAN/ NOTIFIKASI KELULUSAN BERTULIS

#### Penilaian Input Pembangunan

Penilaian input pembangunan merupakan salah satu proses penting sebagai saringan awal dalam memastikan laporan pembangunan yang dirujuk kepada JASWPKL mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pada tahun 2022, sebanyak 55 permohonan input pembangunan diterima daripada pelbagai agensi termasuk pihak swasta, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan. Daripada 55 permohonan yang diterima, sebanyak sembilan (9) permohonan daripada sektor operasi kilang (PYBDT), 32 permohonan daripada pembangunan am, 10 permohonan pembinaan sementara (*Concrete Batching Plant*, CBP) dan empat (4) lagi dalam lain-lain kategori.

Dalam memproses permohonan penilaian input pembangunan, antara rujukan yang digunapakai adalah seperti berikut :

1. *CPS City Planning System, Online Mapping*, Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020);
2. Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas

Kegunaan tanah dan bangunan) (WPKL) 2018; dan

3. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015.

Selain itu juga, pelaksanaan pemeriksaan di lapangan turut dilaksanakan secara fizikal termasuk penggunaan teknologi dron untuk mengumpul data visual daripada udara dan mengenal pasti keseluruhan kawasan pembangunan.



**Gambar 2.1 : Pemeriksaan menggunakan Dron untuk semakan tapak bagi permohonan Penilaian Input Pembangunan**

### Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA)

Sekiranya permohonan input pembangunan merupakan aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama atau Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015, maka mana-mana orang yang berhasrat hendaklah melantik orang yang layak untuk menjalankan penilaian kesan kepada alam sekeliling dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk kelulusan.

Pada tahun 2022, JASWPKL telah menilai dan menyemak empat (4) Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment, EIA*) dalam tempoh piagam yang ditetapkan. Daripada empat (4) permohonan tersebut hanya satu (1) sahaja laporan yang diluluskan iaitu di bawah Aktiviti 14(c)(i), Jadual Pertama: Pengolahan dan Pelupusan Buangan-Pembinaan loji kumbahan dengan 20,000 kesetaraan populasi atau lebih, Perintah Kualiti Alam Sekeliling. (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015.

Laporan EIA merupakan salah satu skop Objektif Kualiti MS ISO 9001:2015. Berdasarkan objektif tersebut, pegawai JAS perlu memastikan pemrosesan laporan EIA mengikut piagam yang telah ditetapkan iaitu 25 hari bekerja. Pada tahun 2022, JASWPKL berjaya mengekalkan pematuhan kepada Objektif Kualiti MS ISO 9001:2015.

### Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharaan Bertulis Alat Kawalan Pencemaran Udara dan Air

Berdasarkan Peraturan 4, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 (PPKAS (EP) 2009) dan Peraturan 5, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014 (PPKAS (UB) 2014) telah menetapkan supaya pemberitahuan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah 30 hari sebelum apa-apa kerja, pembinaan atau peningkatan, atau membuat apa-apa perubahan bagi kerja-kerja pemasangan alat kawalan pencemaran air mahupun udara. Manakala permohonan perisytiharaan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari selepas pembinaan berdasarkan Peraturan 5(4), PPKAS (EP) 2005 dan Peraturan 7(6), PPKAS (UB) 2014.

Pada tahun 2022, JAS WPKL telah menerima sebanyak 268 permohonan pemberitahuan bertulis dan 136 permohonan perisytiharaan bertulis sistem kawalan pencemaran udara. Lima (5) daripada permohonan tersebut merupakan sistem kawalan effluen industri .

### Geographical Information System (GIS)

Aplikasi Geospas dalam bentuk Portal GIS Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia dalam membantu melaksanakan

tugas kerja dan tanggungjawab sehari-hari. Portal GIS dapat membantu pegawai khususnya di JAS WPKL bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan berkesan. Penggunaan teknologi dron turut membantu kerja-kerja geospasial terutama bagi tugas pemantauan dan pengawasan alam sekitar.

Aplikasi Geospas ini dapat memaparkan taburan punca pencemaran alam sekitar sama ada dari premis industri atau aktiviti pembangunan EIA. Maklumat ini diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisa dalaman. Aplikasi ini telah diakses secara meluas oleh pegawai JAS dan ianya amat membantu dalam memproses permohonan input pembangunan, penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan premis, pemantauan premis dan pengawasan alam sekitar.

Pada tahun 2022, sebanyak 91 penerbangan dron telah dijalankan bagi kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan AKAS, 1974. Selain itu juga sebanyak empat (4) siri latihan yang melibatkan kerjasama JAS WPKL dengan *DJI Mavic 2 Pro Enterprise* dan JAS Ibu pejabat seperti di **Gambar 2.2** sehingga **Gambar 2.9**.



**Gambar 2.2 : Latihan Asas Pemetaan Menggunakan Pesawat Tanpa Pemandu Dron**



**Gambar 2.3 : Pilot dron JASWPKL yang mendapat permit pada tahun 2022**



**Gambar 2.4 : Latihan Penerbangan JASWPKL Bil. 1/ 2023**



**Gambar 2.5 : Latihan Penerbangan JASWPKL Bil. 2/ 2023**



**Gambar 2.6 : Demonstrasi Dan Praktikal Penerbangan Dron Di TPM, Bukit Jalil**



**Gambar 2.7 : Bersama Tenaga Pengajar Untuk Penerbangan Dron Di TPM, Bukit Jalil**



**Gambar 2.8 : Latihan Penerbangan JAS WPKL Bil. 3/ 2023**



**Gambar 2.9 : Taklimat Penggunaan Dron Matric 300 Oleh DJI Mavic 2 Pro Enterprise**


## **PENGUATKUASAAN PROJEK-PROJEK EIA**

Penguatkuasaan projek-projek EIA adalah aktiviti yang dijalankan oleh JAS kepada projek-projek yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kepada Alam Sekeliling, EIA) 2005. Penguatkuasaan ini dijalankan bagi memastikan tahap pematuhan *EIA-Project Life Cycle Management* yang tinggi terhadap syarat kelulusan Laporan EIA. Pada tahun 2022, terdapat sebanyak 10 projek EIA yang dipantau. Senarai projek tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1 : Senarai Projek EIA yang dipantau pada tahun 2022**

BIL.	NAMA PROJEK	PENGERAK PROJEK
1	Proposed Klang Valley Mass Rapid Transit System (MRT) - (MRT Corporation Sdn Bhd) - line 2	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
2	Setiawangsa Pantai Expressway (SPE) (Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn Bhd)	Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn Bhd
3	Sungai Besi - Ulu Kelang Elevated Expressway (Suke) (Projek Lintasan Kota Holding Sdn Bhd)	Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn Bhd
4	Cadangan Pembangunan Bercampur Di PT 3638-PT 3640, PT 8655, Mk. Setapak, WPKL (Sime Darby Melawati Development Sdn Bhd)	Sime Darby Melawati Development Sdn Bhd
5	Projek Pembangunan Komersial (Projek Malola-Pemaju)	Projek Malola
6	Projek Pembangunan UPNM (JKR)	Jabatan Kerja Raya
7	Pembangunan Sebuah Stesen Permindahan Sisa Pepejal.	Bumi Segar Indah Sdn Bhd
8	Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu, Jinjang, Kuala Lumpur (Jabatan Perkhidmatan Pembentungan)	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan
9	Cadangan Menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan Sedia Ada (Aset No:KLR360) Di Jalan Bukit Indah 2, Bukit Jalil, Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Puncak Gama Sdn Bhd
10	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 48572-48589, Bandar Manjalara.	Perdana Park City

Sebanyak 93 penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 10 projek EIA tersebut yang melibatkan peringkat pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada penguatkuasaan tersebut, sebanyak 93 *Field Citation*, 23 Notis Arahan dan empat (4) kompaun telah dikeluarkan seperti dalam **Rajah 2.1**.



**Rajah 2.1: Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek EIA bagi tahun 2022**

Siasatan penguatkuasaan ini telah dilaksanakan dengan melihat beberapa komponen seperti Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP) dan *Land Disturbing, Pollution Prevention dan Mitigation Measures (LD-P2M2)* yang telah diluluskan. Antara-antara gambar-gambar semasa penguatkuasaan adalah seperti di **Gambar 2.10** sehingga **Gambar 2.24** tertera.



Gambar 2.10: "Silt Pond & Waste Water Treatment Plant" di kawasan projek.



Gambar 2.11: Pemeriksaan di tapak Stesen MRT Putrajaya. Stesen ini telah siap sepenuhnya dengan kerja-kerja *landscape* juga telah mencapai 100% pada suku ketiga 2022.



**Gambar 2.12: Pemeriksaan turfing di tapak Stesen MRT Titiwangsa. Kawasan ini dahulunya dibina kolam mendapan dan telah ditutup sepenuhnya.**



**Gambar 2.13: Jajaran bagi pakej CA-1 projek SUKE telah siap sepenuhnya.**



**Gambar 2.14:** Kerja-kerja pemasangan *launching beam* dan *parapet* sedang giat dijalankan di jajaran pakej CA-3 projek SUKE.



**Gambar 2.15:** *Noise barrier* telah dipasang di sebahagian jajaran pakej CA-3 projek SUKE.



**Gambar 2.16: Pemeriksaan tapak penstoran Buangan Terjadual (BT).**



**Gambar 2.17: Silt trap yang terdapat di Section 1 projek SPE.**



**Gambar 2.18: Pemeriksaan tapak penstoran Buangan Terjadual (BT).**



**Gambar 2.19: Pemeriksaan earth drain projek UPMN.**



**Gambar 2.20: Turfing cerun yang terdapat dalam di projek UPMN.**



**Gambar 2.21: Silt fence yang terdapat di projek UPNM.**



**Gambar 2.22: Pemeriksaan loji KLR 360 yang menggunakan sistem SBR telah siap dan beroperasi.**



**Gambar 2.23: Pemeriksaan di takat pelepasan akhir loji kumbahan naik taraf KLR 275 yang telah siap dan beroperasi.**



**Gambar 2.24: Pemeriksaan kolam takungan yang terdapat di tapak projek stesen pemindahan sisa pepejal**

# **BAB 3**

**Bahagian Operasi**

**Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan**

**Unit Kenderaan Bermotor**

**Operasi Bersepadu**

**Operasi Catat**

**Aduan Pencemaran Yang Diterima**

**Tindakan Perundangan**

**Tindakan Mahkamah**


## BAHAGIAN OPERASI

### PENGUATKUASAAN TERHADAP PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Penguatkuasaan yang dijalankan ke atas PYBDT merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP) adalah berdasarkan kepada pematuhan terhadap empat (4) peraturan utama yang terkandung di dalam AKAS 1974. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

1. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
3. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014; dan
4. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009.


JASWPKL telah merekodkan sebanyak 2,298 inventori punca-punca pencemaran dari Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) yang telah dikenalpasti di bawah bidang kuasa JASWPKL. Senarai PYBDT adalah tertakluk di bawah Kategori Pembuatan, Bukan Pembuatan, Tapak Pelupusan Sampah dan Loji Rawatan Air. Bilangan premis-premis (PYBDT) tersebut telah dikategorikan mengikut parlimen seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3.1**.



**Rajah 3.1: Bilangan Premis PYBDT Mengikut Parlimen**

Selain itu, WPKL juga mempunyai dua (2) senarai inventori yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009 iaitu Tapak Pelupusan Sampah dan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Taman Beringin, Kuala Lumpur.

Pada Tahun 2022, Pasukan Operasi JASWPKL terus memantau pematuhan premis-premis yang tertakluk di bawah AKAS 1974 bagi memastikan pencemaran terhadap alam sekitar yang berpunca daripada premis-premis ini tidak berlaku. Graf di bawah menunjukkan pematuhan industri dan bukan industri di bawah AKAS 1974 di WPKL bagi Tahun 2022.




**Rajah 3.2: Pematuhan AKAS, 1974 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Pada tahun 2022, sebanyak 1,054 pemeriksaan telah dijalankan di WPKL. Hasil daripada siasatan pemeriksaan tersebut didapati sebanyak 26 pemeriksaan patuh kepada PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009, 253 pemeriksaan patuh kepada PPKAS (Buangan Terjadual) 2005, 47 pemeriksaan patuh kepada PPKAS (Udara Bersih) 2014 dan 13 pemeriksaan patuh kepada PPKAS (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009. Pemeriksaan juga mendapati sebanyak 11 premis gagal mematuhi PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009, 56 premis gagal patuh kepada PPKAS (Buangan Terjadual) 2005 dan 17 premis gagal patuh PPKAS (Udara Bersih) 2014.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 12 siri Ops Gempur telah diadakan. 131 premis bermasalah dan berpotensi menyebabkan pencemaran di bawah AKAS 1974 telah

menjadi keutamaan untuk diperiksa termasuklah kilang-kilang haram. Antaranya adalah premis yang terletak di dalam jajaran *River of Life (RoL)* seperti premis penyembelihan dan memproses ayam selain premis-premis bermasalah dan berpotensi menyebabkan pencemaran dan menimbulkan aduan berulang telah digempur. Tindakan susulan seperti mengeluarkan Notis Arahan, kompaun dan tindakan mahkamah telahpun diambil terhadap kesemua ketidakpatuhan ini.




**Rajah 3.3: Bilangan pemeriksaan dan pematuhan Premis di WP Putrajaya Terhadap Peraturan-Peraturan berkaitan di bawah AKAS, 1974**

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 37 siasatan penguatkuasaan yang telah dijalankan di kawasan WPP. Berdasarkan bilangan tersebut, terdapat dua (2) premis yang menunjukkan ketidakpatuhan terhadap PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009 dan PPKAS (Udara Bersih) 2014. Sehubungan dengan itu, tindakan penguatkuasaan iaitu Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, AKAS 1974 telah dikeluarkan untuk pihak premis mengambil tindakan ke atas notis dan mengemukakan maklumbalas notis kepada Jabatan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Hasil daripada penguatkuasaan ke atas PYBDT sepanjang tahun 2022, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah dikenakan terhadap semua premis yang tidak mematuhi AKAS 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya.

JASWPKL telah mengeluarkan 77 Notis Arahan, 55 Kompaun dan empat (4) kertas siasatan dibuka untuk tindakan mahkamah. Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang telah diambil bagi ketidakpatuhan sepanjang tahun 2022 adalah seperti **Rajah 3.4** di bawah.




**Rajah 3.4: Bilangan Tindakan Penguatkuasaan Ketidakpatuhan di bawah AKAS 1974**

## PENGUATKUASAAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN


Sepanjang tahun 2022, pihak JASWPKL telah meneruskan program penguatkuasaan terhadap pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 bagi premis-premis loji pengolahan kumbahan di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelaksanaan penguatkuasaan terhadap loji pengolahan kumbahan adalah merupakan kesinambungan kepada program penguatkuasaan Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) yang dilaksanakan secara berterusan pada setiap tahun terhadap semua premis pengolahan kumbahan yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Pada tahun 2022, sebanyak 128 pemeriksaan telah dijalankan terhadap premis-premis loji pengolahan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan loji pengolahan kumbahan milik persendirian di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 notis arahan telah dikeluarkan, 15 kompaun dan tiga (3) kertas siasatan telah ditawarkan susulan pelbagai ketidakpatuhan

operasi loji pengolahan kumbahan semasa siasatan pemeriksaan untuk tindakan penambahbaikan pihak pemilik loji pengolahan kumbahan berkenaan. Peratusan pematuhan penguatkuasaan loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 pada tahun 2022 adalah seperti **Rajah 3.5** dan **Rajah 3.6**.



**Rajah 3.5: Bilangan Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2022**



**Rajah 3.6: Tindakan Susulan Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2022**

### PENGUATKUASAAN KE ATAS PUNCA-PUNCA BUANGAN TERJADUAL PREMIS YANG DITETAPKAN BUANGAN TERJADUAL (PYDT BT)


Semua urusan yang berkaitan dengan buangan terjadual telahpun menggunakan sistem atas talian yang dikenali sebagai eSWIS termasuklah semua Premis Yang DiTetapkan Buangan Terjadual (PYDTBT). Penggunaan sistem ini memudahkan kerja-kerja pelaporan terhadap pengendalian dan pengurusan buangan terjadual termasuk pelaporan notifikasi, inventori, dan nota konsainan pengeluaran dan penerima buangan terjadual.

Premis Yang DiTetapkan (PYDT) adalah premis atau kemudahan yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, AKAS 1974. Di bawah seliaan JASWPKL pada tahun 2022, terdapat lima (5) Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa Luar Tapak Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan tersebut. Sepanjang tahun tersebut, sebanyak lima (5) pembaharuan lesen premis Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (e-Waste) dan lima (5) pembaharuan lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) telah dikeluarkan. Sebanyak 21 lawatan penguatkuasaan telah dilaksanakan terhadap kesemua lima (5) premis dan pengangkut PYDT BT tersebut dalam memastikan pematuhan terhadap AKAS 1974.

Daripada penguatkuasaan yang telah dijalankan, sebanyak dua (2) Notis Arahan telah dikeluarkan dan satu (1) kompaun telah ditawarkan susulan pelbagai ketidakpatuhan operasi Premis Yang DiTetapkan (PYDT) semasa siasatan pemeriksaan untuk tindakan penambahbaikan pihak pemilik premis berkenaan. Peratusan pematuhan premis PYDT BT terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang DiTetapkan) (Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989, dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, pada tahun 2022 adalah seperti **Rajah 3.7** dan **Rajah 3.8** di bawah.



**Rajah 3.7: Bilangan Penguatkuasaan PYDT BT bagi tahun 2022**



Rajah 3.8: Tindakan Susulan Penguatkuasaan Premis Yang DiTetapkan Buangan Terjadual (PYDT BT) Tahun 2022

## KAWALAN KE ATAS KENDERAAN BERMOTOR

### Kawalan Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Bermotor


Kawalan pencemar daripada kenderaan bermotor telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut:

- I. Operasi Statik (Diesel, Petrol, Bunyi Bising Motosikal dan Gas Motosikal)
- II. Operasi Catat (merakam kesalahan menggunakan kamera video, dan mencatat nombor pendaftaran kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan).
- III. Kawalan punca ke atas Pengendali Berkumpulan (*Fleet Operator*).
- IV. Kawalan pelepasan pencemar di hentian bas awam.
- V. Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).

### Kawalan Pelepasan Pencemar Daripada Enjin Diesel

Sepanjang tahun 2022, JASWPKL telah menjalankan sebanyak 15 operasi penguatkuasaan secara statik di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur. Hasil operasi tersebut sejumlah 1,183 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa secara visual di mana daripada sejumlah itu, 194 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap dan daripada jumlah tersebut pula, 41 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun di atas kesalahan mengeluarkan asap

hitam melebihi 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) dan 77 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, AKAS 1974 telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di Kemudahan Yang Diluluskan seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.9**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 97.4%.



Rajah 3.9: Tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas Kenderaan Berenjin Diesel 2022



Gambar 3.1 : Operasi Pelepasan daripada Enjin Diesel dan Gas CO/HC

## Operasi Bersepadu

JASWPKL juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi-agensis sahabat iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2022, JASWPKL telah menjalankan 77 operasi melibatkan agensi-agensis tersebut.




Gambar 3.2: Operasi Bersepadu yang dijalankan bersama Pihak Agensi Sahabat

### Operasi Catat

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat yang menggunakan video kamera juga turut dilaksanakan. Pegawai-pegawai JASWPKL telah ditugaskan di beberapa lokasi strategik seperti laluan jalan masuk dan keluar di sekitar bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran dan merakam gambar kenderaan dengan menggunakan kamera video ke atas kenderaan yang disyaki melepaskan asap hitam berlebihan.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 197 Operasi Catat telah dijalankan. Daripada jumlah keseluruhan 27,789 buah kenderaan yang dicatat, sebanyak 19,241 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa dan daripada jumlah itu 75 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan mengikut bilangan kenderaan adalah seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.10**



**Rajah 3.10 : Pecahan bilangan mengikut jenis kenderaan Operasi Catat Tahun 2022**

### Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (*Fleet Operator*)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (*Fleet Operator*) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dan petrol dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam dan gas ke atas semua kenderaan motor secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sejumlah 31 pemeriksaan telah dijalankan ke atas 29 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di WPKL. Lawatan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas Pengendali Berkumpulan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa, serta keputusan ujian asap dan ianya adalah bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca. Rujuk **Gambar 3.3**.





Gambar 3.3 : Pemeriksaan di Premis Fleet Operator

### Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, AKAS 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam adalah dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana KYDL. KYDL adalah suatu tempat yang diluluskan oleh JAS yang dilengkapi dengan meter asap yang perlu dikalibrasi dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. KYDL yang diluluskan oleh JASWPKL adalah PUSPAKOM Wangsa Maju, PUSPAKOM Bukit Maluri, dan PUSPAKOM Cheras. Pada tahun 2022, sebanyak 79 buah kenderaan telah menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di PUSPAKOM Wangsa Maju. Ujian semula ini dijalankan pada masa yang ditetapkan iaitu pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula jam 9.00 pagi sehingga 12.30 tengahari dan dilakukan oleh pihak PUSPAKOM dengan kehadiran pegawai-pegawai JASWPKL. Rujuk

**Gambar 3.4.**





**Gambar 3.4 : Pemeriksaan di Premis FO/KYDL**

### **Kawalan Pelepasan Asap Hitam Di Hentian Bas Awam**

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas lapan (8) buah hentian bas awam sekitar Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hentian Duta, Hentian Pekeliling, Hentian Putrajaya Sentral, Terminal Bersepadu Selatan, Hentian Puduraya dan Hentian Sentral. Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak 12 lawatan penguatkuasaan dan program kempen kesedaran telah dijalankan di hentian tersebut dan sebanyak 185 buah bas telah dipantau seperti di dalam **Gambar 3.5**. Sepanjang tahun 2022, tiada kompaun dikeluarkan oleh JASWPKL.



Gambar 3.5 : Operasi di Hentian Bas

### Kawalan Pengurusan Refrigeran

Sebanyak 10 Pusat Servis Penghawa Dingin kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (*aircond*) kenderaan bermotor telah disiasat dan telah diuji dengan menggunakan *Refrigerant Identifier* sepanjang tahun 2022 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Kesemua Pusat Servis Penghawa Dingin yang disiasat telah mematuhi peraturan di atas.




Gambar 3.6 : Pemeriksaan pematuan dan pengujian dengan menggunakan Refrigerant Identifier

### Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol

Pada tahun 2022, sebanyak 13 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Melalui operasi tersebut sejumlah 141 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Daripada jumlah tersebut, enam (6) kenderaan yang diuji gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan telah ditawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.11**.

### OPERASI PERLEPASAN DARIPADA ENJIN PETROL



Rajah 3.11: Status Pematuhan Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol




**Gambar 3.7 : Operasi Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor (Kawalan Perlepasan dari Enjin Diesel)**



**Gambar 3.8 : Operasi Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol**

### Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dikuatkuasakan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JASWPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sepanjang tahun 2022, sebanyak 74 operasi penguatkuasaan telah dijalankan secara bersepadu bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sebanyak 4,017 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan saringan dan sebanyak 1,030 buah motosikal telah diuji dengan menggunakan peralatan meter bunyi bising. Dari jumlah tersebut, 675 buah motosikal telah dikenakan kompaun dan 812 surat arahan untuk menjalani ujian semula bunyi bising seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.12**.



Rajah 3.12: Status Tindakan Ke Atas Pelepasan Bunyi Bising Motosikal



**Gambar 3.9 : Operasi Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor (bunyi bising kenderaan bermotor) di lapangan**




**Gambar 3.10 : Operasi Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor (bunyi bising kenderaan bermotor) di Balai Polis Trafik Tun HS Lee**



Gambar 3.11 : Operasi Pelepasan Bunyi Bising Motosikal

### Kawalan Pelepasan Gas Daripada Motosikal

Pada tahun 2022, sebanyak lima (5) operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas Motosikal di bawah Peraturan 10, Peraturan–Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 telah dijalankan. Sebanyak 38 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas dan daripada jumlah tersebut didapati dua (2) buah motosikal gagal mematuhi had pelepasan gas Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. Sebanyak dua (2) kompaun dan dua (2) Surat Arahan dikeluarkan kepada pemilik motosikal yang gagal mematuhi had seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.13** dengan peratus pematuhan keseluruhan adalah 94.7%.



**Rajah 3.13 : Status Tindakan Terhadap Pelepasan Gas CO daripada Motosikal**




Gambar 3.12 : Operasi Pelepasan Gas CO daripada Motosikal

## PENGURUSAN ADUAN PENCEMARAN

Pada tahun 2022, sejumlah 568 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima dan diambil tindakan susulan berbanding 766 kes yang diterima pada tahun 2021 iaitu penurunan penerimaan aduan sebanyak 198 kes.


Statistik aduan yang telah diterima oleh JASWPKL sejak 2010 sehingga 2022 menunjukkan bilangan aduan yang tertinggi diterima adalah pada tahun 2021. Penerimaan aduan daripada pengadu adalah melalui talian telefon *hotline*, aplikasi WhatsApp, sistem e-aduan, saluran internet, ataupun secara bersemuka. Statistik aduan adalah seperti di **Rajah 3.14**.



**Rajah 3.14: Statistik Aduan yang diterima JASWPKL dari tahun 2010 sehingga tahun 2022**

Pecahan jenis aduan yang diterima sepanjang tahun 2022 pula, pencemaran udara merupakan kategori aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 322 kes (56%), kes pencemaran air sebanyak 35 kes (6%), kes pencemaran bunyi bising sebanyak 80 kes (14%), kes pencemaran buangan terjadual sebanyak tiga (3) kes (0.5%), dan kes lain-lain pencemaran yang dikategorikan sebagai aduan umum sebanyak 127 kes (22%) daripada jumlah kes pencemaran yang diterima. Manakala hanya satu (1) kes pencemaran tumpahan minyak diterima. Pecahan bilangan mengikut jenis aduan adalah seperti di dalam **Rajah 3.15**.

Bagi aduan di luar bidangkuasa, jabatan ini telah menyalurkan aduan tersebut kepada jabatan/agensi yang berkaitan atau pihak yang berkenaan bagi membantu menyelesaikan aduan yang telah diterima mengikut peruntukan yang dikuatkuasakan.



Rajah 3.15: Carta Peratusan jenis dan kategori aduan tahun 2022

### Rondaan Mencegah Pencemaran Dan Pembakaran Terbuka

Sebanyak **301** rondaan mencegah pencemaran melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.

### Latihan Hands on Penggunaan Drone

Unit Aduan telah melaksanakan latihan *Hands on Drone* kepada 20 orang pegawai teknikal yang berminat untuk mengendalikan Dron DJI Mavic 3. Sesi *Hands on Drone* ini telah dilaksanakan oleh pihak pembekal, Sky Shine Corporation (M) Sdn. Bhd.



**Gambar 3.16:** Latihan *Hands on Drone* bersama Pegawai JAS WPKL di dalam bilik mesyuarat



**Gambar 3.17:** Gambar foto semasa *Hands on Drone* bersama Pegawai JAS WPKL di tapak Latihan



**Gambar 3.18: Gambarfoto sekitar kawasan yang diadu semasa Operasi Bersepadu dengan SW Corp Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

## TINDAKAN PERUNDANGAN

### Kompoun


Pada tahun 2022, sebanyak 774 tawaran kompaun telah dikeluarkan oleh pasukan penguatkuasaan JASWPKL. Kesemua tawaran kompaun tersebut adalah merangkumi kesalahan-kesalahan di bawah AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Pada tahun 2022, sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan bagi kesalahan kes pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A, AKAS 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang DiTetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2021. Manakala 20 kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, sembilan (9) kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan 52 kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Bagi kawalan pencemaran udara, sebanyak tiga (3) tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan 39 tawaran kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Selain itu, sebanyak dua (2) tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 dan 646 lagi tawaran kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987 seperti di dalam **Rajah 3.16** dan **Jadual 3.1**.

Secara keseluruhannya, sebanyak RM 345,600.00 diperolehi daripada hasil tawaran kompaun yang dikeluarkan sepanjang tahun 2022. Bagi tawaran kompaun yang gagal dibayar, kertas siasatan disediakan untuk tindakan pendakwaan di mahkamah.



**Rajah 3.16: Taburan Kompaun yang telah dikeluarkan pada Tahun 2022**

**Jadual 3.1: Jadual Bilangan kompaun mengikut kesalahan di bawah AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.**

Bil	Kesalahan	Bilangan Kompaun
1	PPKAS (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987	646
2	PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003	2
3	PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996	39
4	PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol ) 1996	3
5	PPKAS (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2021	1
6	Seksyen 29A AKAS 1974 (Larangan atas pembakaran terbuka)	1
7	PPKAS (Kumbahan) 2009	20
8	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009	9
9	PPKAS (Buangan Terjadual) 2005	52
10	PPKAS (PYDT) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989	1

### Tindakan Mahkamah

Sepanjang tahun 2022, Unit Pendakwaan telah menyelesaikan dua (2) kes mahkamah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, kedua-dua kes tersebut telah gagal menimbulkan keraguan munasabah pada peringkat pendakwaan dan telah diputuskan lepas dan bebas oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Pada tahun 2022, sebanyak 98 kertas siasatan baru telah dibuka bagi kesalahan yang telah dilakukan di bawah AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Sebanyak enam (6) kertas siasatan untuk izin pendakwaan dan 92 kertas siasatan lagi telah dibuka untuk permohonan izin mengkompaun kesalahan.

# **BAB 4**

Pengawasan

Promosi Kesedaran Alam Sekitar

## PENGAWASAN

### PROGRAM PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH, UDARA DAN AIR SUNGAI

Program pengawasan terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu pengawasan kualiti air tanah, pengawasan kualiti udara dan pengawasan kualiti air sungai. Pengawasan bunyi bising turut dilaksanakan bagi membantu memantau kes-kes aduan bunyi bising daripada projek-projek yang tertakluk di bawah aktiviti yang ditetapkan dalam Perintah Alam Sekeliling Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 2015 (EIA) yang diterima. Kerja-kerja pengawasan dilaksanakan secara pemantauan di lapangan dan pemantauan data melalui sistem yang dibangunkan oleh JAS seperti berikut:

- i. Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme, EQMP)
- ii. Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS).

#### Pengawasan Kualiti Air Tanah

Pada tahun 2022, tiada persampelan dijalankan di Stesen Pengawasan Royal Selangor Golf Resort kerana keadaan air tanah yang berkurangan. Program Pengauditan stesen air tanah oleh Bahagian Air & Marin Ibupejabat JAS telah diadakan pada 12 Disember 2022. Lokasi stesen-stesen air tanah adalah seperti di dalam **Jadual 4.1**.



**Jadual 4.1: Lokasi Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah Seliaan JASWPKL**

Bil	Lokasi	Jenis Guna Tanah	ID Stesen Baru / ID stesen Lama	Koordinat
1	Taman Beringin Kepong	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW (7)-W310115-4-7.26 / MW (7)-S13-1-7.26m (A)	E 101.658580 N 3.232221
2	Taman Beringin Kepong	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-5-6.10 / MW(7)-S13-2-6.10m (B)	E 101.656352 N 3.227653
3	Jalan Sungai Besi	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW (7)-W310115-1-5.50 / MW (7)-S11-1-5.50m (A)	E 101.708737 N 3.105767
4	Jalan Sungai Besi	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-2-5.54 / MW(7)-S11-1-5.54m (B)	E 101.709923 N 3.107251
5	Jalan Sungai Besi	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW (7)-W310115-3-5.57 / MW (7)-S11-1-5.57m (C)	E 101.709923 N 3.107251
6	Royal Selangor Golf Resort	Padang Golf	MW (7)-W310115-6-5.37 / MW (7)-S12-1-5.37m (C)	E 101.724000 N 3.148000
7	Taman Wetland Putrajaya	Bandar / Separa Bandar	MW (7)-W210103-1-10.0	E 101.713632 N 2.962034

### Pengawasan Kualiti Udara

Sejak 14 April 2017, syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. telah bertanggungjawab membangunkan Sistem dan Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme – EQMP) dan telah melaksanakan pemantauan status kualiti udara secara dalam talian (online).

Terdapat tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara automatik (Continuous Air Quality Monitoring – CAQM) dan tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara manual (Manual Air Quality Monitoring – MAQM) di dalam kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang diseliah oleh JASWPKL seperti di dalam **Jadual 4.2 dan Jadual 4.3**. Status kualiti udara diukur dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Antara parameter-parameter IPU yang diukur adalah:

- i. Pepejal Terampai bersaiz 10 mikrometer (PM10)
- ii. Bersaiz 2.5 mikrometer (PM2.5)
- iii. Sulfur dioksida (SO<sub>2</sub>)
- iv. Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>)
- v. Karbon Monoksida (CO)
- vi. Ozon paras bumi (O<sub>3</sub>).

Jadual 4.2: Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik di WPKL

STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK / <i>Continuous Air Quality Monitoring Station (CAQMS)</i>			
NAMA STESEN	LOKASI	LOG/LAT	KATEGORI
Batu Muda CA15W	Sekolah Kebangsaan Batu Muda Jalan 2/12d, Sentul, 51100 Kuala Lumpur	101.682228 3.212439	<i>Sub Urban</i>
Cheras CA16W	Stadium Mini Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permaisuri Jalan Seri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur	101.717917 3.106236	<i>Urban</i>
Presint 18 CA17W	Sekolah Kebangsaan Presint 18 (2) No.3, Jalan P18, Presint 18, 2100 Putrajaya	101.69005 2.914816	<i>Sub Urban</i>

Jadual 4.3: Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual di WPKL

STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA MANUAL / <i>Manual Air Quality Monitoring Station (MAQMS)</i>		
NAMA STESEN	LOKASI	LOG/LAT
Klinik Kesihatan Kuala Lumpur MA04W	MRR1 Jalan Temerloh, Titivangsa 53200 Kuala Lumpur,	101.707494 3.173285
Wisma SCA MA05W	JAS WPKL No.3, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur	101.712559 3.132627
Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur MA06W	Menara DBKL 1 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur	101.694368 3.151995



**Gambar 4.1: Stesen Pengawasan Kualiti Udara seliaan JASWPKL**

### Pengawasan Kualiti Air Sungai

Terdapat satu (1) stesen pengawasan kualiti air sungai (Continuous River Water Quality Monitoring – CRWQM) seperti di dalam **Jadual 4.4** dan 27 stesen pengawasan kualiti air sungai manual (Manual River Water Quality Monitoring – MRWQM) di bawah seliaan JASWPKL seperti di dalam **Jadual 4.5**. Pemantauan dilaksanakan secara desktop dan secara di lapangan bagi pemerhatian dan pengambilan data in-situ.

**Jadual 4.4: Stesen Pengawasan Automatik Kualiti Air Sungai selian JASWPKL**

STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK / <i>Continuous River Water Quality Monitoring Station (CRWQM)</i>				
ID	NAMA STESEN	LOKASI	KOORDINAT	CATATAN
CR12W	KAMPUNG PASIR: Petaling, Kuala Lumpur	Confluences of Sungai Kerayong, STP Pantai	101.6719  3.090691	Upstream 1K25  Downstream 1K06

**Jadual 4.5: Stesen Pengawasan Manual Kualiti Air Sungai seliaan JASWPKL**

STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI MANUAL / Manual River Water Quality Monitoring Station (MRWQM)		
ID STESEN	SUNGAI	LOKASI
2WKLG041 (1K35)	AIR BUSUK	Wisma Felda Ecovest, Kg Puah Sentul
2WKLG047 (1K42)	ANAK AIR BATU	Masjid Universiti Malaya
2WKLG056 (1K19)	BATU	Jambatan JPS Kg.Kasipillay
2WKLG061 (Baru)	BATU	Jambatan Jalan Ipoh Kampung Batu
2WKLG040 (1K34)	BELONGKONG	Pasar Besar Gombak
2WKLG006 (1K27)	BUNUS	HKL
2WKLG039 (1K33)	BUNUS	Pulapol Jln. Semarak
2WKLG043 (1K37)	BUNUS	Sek.Men.Teknik Setapak

#### **POGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN BERKAITAN ALAM SEKITAR**

Program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Program-program yang dijalankan sepanjang tahun meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran, permainan interaktif, program Bersama komuniti setempat dan penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak, media elektronik dan media sosial.

#### **Ceramah Alam Sekitar**

Aktiviti ceramah alam sekitar telah disampaikan kepada para pelajar sekolah/institut pengajian tinggi awam dan swasta, orang awam dan komuniti masyarakat setempat bertujuan untuk menanam kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Ceramah berkonsepkan promosi alam sekitar turut digunapakai khususnya kepada komuniti dan pihak industri bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam pengurusan alam sekitar selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara dan AKAS 1974. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 44 siri ceramah alam sekitar

telah dilaksanakan melibatkan beberapa kumpulan sasaran di seluruh WPKL seperti dalam **Jadual 4.6** di bawah.

**Jadual 4.6: Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2022**

Bil.	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
1	Ceramah Asas Digital Marketing	15 Februari 2022	Secara atas talian
2	Ceramah penggunaan alat colorimeter oleh Three Smart (M) Sdn Bhd	18 Februari 2022	JASWPKL
3	Ceramah Alam Sekitar sempena Hari Bumi	5 Mac 2022	Kg. Padang Balang
4	Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Siri 1: Buangan Terjadual - Jom Ambil Tahu Dan Patuh!	24 Mac 2022	Secara atas talian
5	Ceramah Penggunaan Pam Air Tanah oleh Norbest Sdn Bhd	1 April 2022	JASWPKL
6	Ceramah Alam Sekitar dan Motivasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Putra sempena Hari Alam Sekitar Sedunia	23 Mei 2022	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Putra
7	Ceramah Jom Ambil Tahu Tentang Akta 127 Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia	25 Mei 2022	Atas Talian
8	Ceramah Keselamatan dari KKM - Klinik Kesihatan Sg. Besi	25 Mei 2022	JASWPKL
9	Ceramah Program Forum Kampus Hijau bertajuk Budaya Eko - Kampus Bersempena Hari alam Sekitar Sedunia 2022	10 Jun 2022	UPM, Serdang
10	Kolokium Penggunaan Pesawat Udara tanpa Pemandu DRONE	15 Jun 2022	JASWPKL
11	Ceramah dan Kolokium Penggunaan Pesawat Udara tanpa Pemandu DRONE	17 Jun 2022	JASWPKL

12 Slot Khutbah Jumaat. Khutbah bertajuk “Pulihara Alam Sekitar, Cegah Bencana Besar” akan dibacakan pada 17 Jun 2022 di seluruh Masjid dan Surau Jumaat di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

17 Jun 2022

Seluruh Masjid di Wilayah Persekutuan

13 Ceramah Alam Sekitar - Program Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022

18 Jun 2022

Kuarters JKR Batu 4 1/2, Sungai Besi, Kuala Lumpur

Bil.	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
14	Ceramah Alam Sekitar - Program Bersama Komuniti dan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 serta Kempen Larangan Pembakaran Terbuka Bersama Pihak Madrasah Ehsaniah Taman Bukit Anggerik	25 Jun 2022	Madrasah Ehsaniah, Taman Bukit Anggerik, Kuala Lumpur
15	Ceramah Alam Sekitar dan penerangan mengenai RAS	28 Jun 2022	Level Concourse, Tapak Projek Lot 164, 165 dan 166, Persiaran KLCC.
16	Ceramah Alam Sekitar - Kempen Keselamatan dan Alam Sekitar Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 serta Kempen Larangan Pembakaran	28 Jun 2022	Level Concourse, Tapak Projek Lot 164, 165 dan 166, Persiaran KLCC.
17	Ceramah Alam Sekitar - Program Gotong Royong “Jom Bersih Bukit Bintang - Kita Prihatin” Bilangan 18	23 Julai 2022	Bukit Bintang
18	Ceramah Alam Sekitar -Program Lawatan Ke Red Cube UPM - Pusat Kitar Semula	9 Ogos 2022	UPM Serdang
19	Ceramah Alam Sekitar - Program Kem Solat Bestari dan Cintai Alam Sekitar kita sempena Hari Ozon	13 Ogos 2022	SK Danau Kota 2
20	Ceramah Alam Sekitar - Pelancaran Program Pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik (e-Waste) di Balai Islam TNB sempena Hari Ozon Sedunia	16 ogos 2022	Balai Islam TNB Bangsar

21	Program Pocket Talk - KPA Youth Program anjuran UPM	21 Ogos 2022	Secara atas talian
22	Kolokium Pembelajaran dan Pemetaan Drone sempena Hari Ozon	23 Ogos 2022	JASWPKL/Mranti
23	Ceramah Alam Sekitar kepada Kakitangan Syarikat Bayu Hebat Sdn Bhd sempena Hari Ozon	24 Ogos 2022	Bayu Hebat Sdn Bhd
24	Ceramah Alam Sekitar - Program Turun Padang Pengawasan Air sempena Hari Ozon	25 Ogos 2022	Stesen Air Tanah
25	Ceramah Alam Sekitar - Aktiviti KUDAH di Bukit Bintang LA2IKL	26 Ogos 2022	Bukit Bintang
26	Ceramah Alam Sekitar - Sambutan Hari Air bersama JPS	15 September 2022	Kolam Takungan Banjir Batu

Bil.	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
27	Ceramah Hari Ozon	16 September 2022	Atas talian
28	Ceramah Alam Sekitar - Larian Keluarga Malaysia - Climate Change	24 September 2022	Dataran DBKL
29	Ceramah Alam Sekitar - Program Pengumpulan Ewaste Decorder Astro anjuran ASTRO dan ewaste di kalangan staff ASTRO	27 September 2022	Astro Bukit Jalil
30	Kolokium E-KAS sempena HASN	28 September 2022	JAS WPKL
31	Kolokium E-KAS sempena HASN	28 September 2022	JAS WPKL
32	Ceramah Alam Sekitar - Program Pengumpulan E-waste dan Bahan Kitar Semula oleh Sekolah Danau Kota	29 September 2022	SK Danau Kota 2
33	Program Pengumpulan E-waste dan Bahan Kitar Semula oleh Sekolah Danau Kota	29 September 2022	Sekolah Danau Kota

34	Ceramah Alam Sekitar - AKAS 1974 anjuran Universiti Malaya sempena HASN	30 September 2022	Hilton Hotel KL
35	Ceramah Alam Sekitar - AKAS 1974 anjuran Universiti Malaya sempena HASN	30 September 2022	UM
36	Program Ceramah dan Pertandingan Mewarna di Masjid Saidina Ali, Kuala Lumpur sempena HASN	10 Oktober 2022	Masjid Saidina Ali
37	Pocket Talk dan Ceramah Alam Sekitar sempena HASN	15 Oktober 2022	KL East Mall
38	Forum Alam Sekitar - Sembang Santai sempena HASN	15 Oktober 2022	KL East Mall
39	Seminar Pengurusan Buangan Terjadual anjuran KASKUL	19 Oktober 2022	JAS WPKL
40	Program Sambutan Teknologi oleh Sekolah Desa Pandan 19 okt - Ceramah Alam Sekitar	19 Oktober 2022	Sekolah Desa Pandan
41	Program Tanam Pokok dan Kempen Larangan melakukan pembakaran terbuka Masjid Al Ubudiah Kg Segambut Dalam	21 Oktober 2022	Masjid Al Ubudiah
Bil.	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
42	Program Ceramah dan Alam Sekitar	21 Oktober 2022	Segambut KL
43	Program CEPA sempena HASN anjuran JASWPKL - UPM	15 Disember 2022	UPM
44	Ceramah CEPA JAS WPKL UPM	15 Disember 2022	UPM

Antara rangkuman gambar-gambar program ceramah kesedaran alam sekitar adalah seperti di dalam **Gambar 4.2** sehingga **Gambar 4.5**.



**Gambar 4.2: Forum Kampus Hijau Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2022**



**Gambar 4.3: Karnival Emains sempena Seminar Pengurusan Buangan Terjadual**



**Gambar 4.4:** Sesi Klinik ESWIS sempena Seminar Pengurusan Buangan Terjadual



**Gambar 4.5:** Program Ceramah Mengenai Amalam Gaya Hidup Lestari anjuran Syarikat Korporat

## Pameran Alam Sekitar

Sebanyak 37 aktiviti pameran alam sekitar telah diadakan sempena dengan pelbagai sambutan dan acara perasmian sepanjang tahun 2022. Program-program pameran yang telah dilaksanakan ini melibatkan pelbagai agensi seperti pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, pihak sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Rujuk **Jadual 4.7** di bawah.

**Jadual 4.7: Senarai Program Pameran Alam Sekitar Tahun 2022**

Bil.	Senarai Pameran Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
1	Booth Pendaftaran Rakan Alam Sekitar	13 Januari 2022	Wangsa Walk Mall
2	Booth Pendaftaran Rakan Alam Sekitar	20 Januari 2022	Wangsa Walk Mall
3	Booth Pendaftaran Rakan Alam Sekitar	27 Januari 2022	Wangsa Walk Mall
4	Booth Pendaftaran Rakan Alam Sekitar	9 Februari 2022	Auditorium TPM
5	Booth Pendaftaran Rakan Alam Sekitar Sempena Program Kempen Derma Darah	23 Februari 2022	Dewan Aerobik Kompleks Rekreasi Technoflex Mranti Park, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
6	Pendaftaran Rakan Alam Sekitar sempena Program Karnival Muhibbah Hari Bumi di Kampung-Kampung Melayu Warisan Kuala Lumpur	5 Mac 2022	Kg. Padang Balang, KL
7	Pameran aduan dan pembakaran terbuka sempena Program Karnival Muhibbah Hari Bumi di Kampung-Kampung Melayu Warisan Kuala Lumpur	5 Mac 2022	Kg. Padang Balang, KL

8	Program Kesedaran Mengenai Larangan Melakukan Pembakaran Terbuka Bersama Komuniti Setempat Dan Agensi Berkaitan Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022	26 Mei 2022	Auditorium Utama Enterprise 4, Mranti Park, Kuala Lumpur
9	Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Rakan Strategik Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022	2 Jun 2022	Bukit Bintang, Kuala Lumpur
10	Program Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022	18 Jun 2022	Kuarters JKR Batu 4 1/2, Sungai Besi, Kuala Lumpur
11	Program Bersama Komuniti dan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 serta Kempen Larangan Pembakaran Terbuka Bersama Pihak Madrasah Ehsaniah Taman Bukit Anggerik	25 Jun 2022	Madrasah Ehsaniah, Taman Bukit Anggerik, Kuala Lumpur
Bil.	Senarai Pameran Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
12	Kempen Keselamatan dan Alam Sekitar Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 serta Kempen Larangan Pembakaran	28 Jun 2022	Level Concourse, Tapak Projek Lot 164, 165 dan 166 Persiaran KLCC.
13	Program Gotong Royong "Jom Bersih Bukit Bintang-Kita Prihatin" Bilangan 18	23 Julai 2022	Bukit Bintang
14	Program Lawatan Ke Red Cube UPM - Pusat Kitar Semula	9 Ogos 2022	UPM Serdang

15	Program Gotong Royong dan Kem Solat Bestari dan Cintai Alam Sekitar kita sempena Hari Ozon	13 Ogos 2022	SK Danau Kota 2
16	Pelancaran Program Pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik (e-Waste) di Balai Islam TNB sempena Hari Ozon Sedunia	16 Ogos 2022	Balai Islam TNB Bangsar
17	Program Pocket Talk - KPA Youth Program anjuran UPM	21 Ogos 2022	Atas talian
18	Kolokium Pembelajaran dan Pemetaan Drone sempena Hari Ozon	23 Ogos 2022	JAS WPKL/Mranti
19	Pendaftaran RAS kepada kakitangan Syarikat Bayu Hebat Sdn Bhd	24 Ogos 2022	Bayu Hebat Sdn Bhd
20	Aktiviti KUDAH di Bukit Bintang LA21KL	26 Ogos 2022	Bukit Bintang
21	Sambutan Hari Air bersama JPS	15 September 2022	Kolam Takungan Banjir Batu
22	Larian Keluarga Malaysia - Climate Change	24 September 2022	Dataran DBKL
23	Pameran Alam Sekitar Sempena HASN 2022 bersama pihak Astro	27 September 2022	Astro Bukit Jalil
24	Kolokium E-KAS sempena HASN	28 September 2022	JAS WPKL/Mranti
25	Program Pengumpulan E-waste dan Bahan Kitar Semula oleh Sekolah Danau Kota	29 September 2022	SK Danau Kota 2
26	Program Pengumpulan E-waste dan Bahan Kitar Semula oleh Sekolah Danau Kota	29 September 2022	SK Danau Kota 2

Bil.	Senarai Pameran Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
27	Ceramah Alam Sekitar – AKAS 1974 anjuran Universiti Malaya sempena HASN	30 September 2022	Hilton Hotel KL
28	Ceramah Alam Sekitar – AKAS 1974 anjuran Universiti Malaya sempena HASN	30 September 2022	UM
29	Pameran di Masjid Saidina Ali, Kuala Lumpur Sempena HASN	10 Oktober 2022	Masjid Saidina Ali
30	Pendaftaran RAS sempena HASN	15 Oktober 2022	KL East Mall
31	Program Pengumpulan Ewaste	15 Oktober 2022	KL East Mall
32	Booth Pameran sempena HASN	15 Oktober 2022	KL East Mall
33	Seminar Pengurusan Buangan Terjadual anjuran KASKUL	19 Oktober 2022	JAS WPKL/Mranti
34	Program Sambutan Teknologi oleh Sekolah Desa Pandan	19 Oktober 2022	Sekolah Desa Pandan
35	Pameran Alam Sekitar	19 Oktober 2022	Sekolah Desa Pandan
36	Program Tanam Pokok dan Kempen Larangan melakukan pembakaran terbuka Masjid Al Ubudiah Kg Segambut Dalam	21 Oktober 2022	Masjid Al Ubudiah
37	Program CEPA sempena HASN anjuran JAS WPKL-UPM	15 Disember 2022	UPM Serdang

## Hebahan Maklumat Alam Sekitar

Sepanjang tahun 2022, pelbagai bahan hebahan seperti risalah termasuk *poster*, *flyers* dan pamphlet telah diedarkan kepada pihak industri, orang awam dan pelajar sekolah. Hebahan ini adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan menjaga alam sekitar disamping menyemai perasaan kasih dan sayang terhadap alam sekitar kita.

## Program Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (E-waste)

Program Pengumpulan Buangan Elektrikal dan Elektronik (E-waste) adalah bertujuan untuk menggalakkan orang ramai menguruskan buangan elektrikal dan elektronik di rumah (E-waste) dengan cara yang betul dan mesra alam. Selain menggalakkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti dan program kitar semula buangan yang boleh dikitar semula. Selaras dengan inisiatif Jabatan supaya E-waste dapat diurus dan dilupuskan dengan sempurna mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan dikendalikan oleh pihak atau premis yang dilesenkan oleh JAS. Pada sepanjang tahun 2022, sebanyak 20 program pengumpulan buangan elektrikal dan elektronik (E-waste) telah dilaksanakan di sekitar WPKL. Pelaksanaan program tersebut seperti dalam **Jadual 4.8** di bawah.

**Jadual 4.8: Aktiviti dan Program pengumpulan E-waste bagi tahun 2022**

Bil.	Nama Program Pengumpulan E-waste	Tarikh	Tempat
1	Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik	28 Januari 2022	Ruang Legar JAS WPKL
2	Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik	23 Februari 2022	Dewan Aerobik Kompleks Rekreasi Technoflex Mranti Park, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
3	Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik	5 Mac 2022	Pusat Jualan FAMA, Kg. Padang Balang, Kuala Lumpur
4	Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik	20 Mei 2022	JAS WPKL

5	Program Kesedaran Alam Sekitar dan Pengurusan E-waste Bersama Rakan Strategik Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022	2 Jun 2022	GSC Berjaya Times Square
6	Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik	18 Jun 2022	Kuarters JKR Batu 4 1/2, Sungai Besi, Kuala Lumpur
7	Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik	25 Jun 2022	Madrasah Ehsaniah, Taman Bukit Anggerik, Kuala Lumpur
8	Program Pengumpulan E-waste Sempena Hari Ozon	23 Julai 2022	Bukit Bintang

Bil.	Nama Program Pengumpulan E-waste	Tarikh	Tempat
9	Program Kick Off Pengumpulan E-waste di sekolah	13 Ogos 2022	PIBG SK Danau Kota 2
10	Pelancaran Program Pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik (E-waste) di Balai Islam TNB sempena Hari Ozon Sedunia	16 Ogos 2022	Balai Islam TNB Bangsar
11	Program Pengumpulan E-waste di kalangan kakitangan TNB	16 Ogos 2022	Balai Islam TNB Bangsar
12	Program Pengumpulan E-waste Decoder Astro anjuran ASTRO dan ewaste di kalangan staff ASTRO	27 September 2022	ASTRO

13	Program Pengumpulan E-waste di Plaza Low Yat	28 September 2022	Plaza Low Yat
14	Program Pengumpulan E-waste di JAS WPKL	28 September 2022	JAS WPKL
15	Program Pengumpulan Ewaste - Karnival Jom Ewaste	14 Oktober 2022	KL East Mall
16	Program Pengumpulan Ewaste - Karnival Jom Ewaste	15 Oktober 2022	KL East Mall
17	Pertandingan Kitar Semula Barangan Terpakai	19 Oktober 2022	Sek Desa Pandan
18	Program Tanam Pokok dan Kempen Larangan melakukan pembakaran terbuka Masjid Al Ubudiah Kg Segambut Dalam	21 Oktober 2022	Masjid Al-Ubudiah, Segambut
19	Program Pengumpulan E-waste JAS WPKL-UPM	15 November 2022	UPM
20	Program Pengumpulan E-waste JAS WPKL-UPM	15 Disember 2022	UPM

Antara rangkuman gambar-gambar program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik serta bahan kitar semula adalah seperti di dalam **Gambar 4.6** sehingga **Gambar 4.8**.



**Gambar 4.6: Program Pengumpulan E-waste di Madrasah Ehsaniah Taman Bukit Anggerik, Cheras**



**Gambar 4.7: Program Pengumpulan E-waste di Kuarters Batu 4 1/2 Jabatan Kerja Raya**



**Gambar 4.8: Program Pengumpulan E-waste di Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad sempena Hari Ozon Sedunia**

## Sambutan Hari Bumi 2022

Sambutan Hari Bumi yang disambut pada 22 April setiap tahun diadakan sebagai salah satu usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat melindungi bumi dan alam sekitar. Antara aktiviti yang dijalankan oleh JASWPKL sempena sambutan Hari Bumi pada tahun 2022 adalah seperti **Gambar 4.9** dan **4.10** di bawah.




**Gambar 4.9:** Sambutan Hari Bumi Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama komuniti Kampung Padang Balang



**Gambar 4.10:** Ceramah sempena Hari Bumi - Penggunaan Alat Colorimeter Oleh Three Smart Sdn Bhd

## Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar serta meningkatkan tindakan dan penglibatan terhadap perubahan alam sekitar. Pada tahun 2022, JASWPKL telah melaksanakan beberapa aktiviti bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia seperti **Gambar 4.11** sehingga **Gambar 4.12** di bawah.



**Gambar 4.11: Webinar Pengurusan Buangan Terjadual sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 anjuran Bersama ASMA**



**Gambar 4.12: Ceramah Alam Sekitar sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 di Bukit Bintang**



**Gambar 4.13: Program Kudah – We Care Jom Bersih Bukit Bintang 19 Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2022**

### Program Kesedaran Sempena Hari Ozon Sedunia 2022

Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon sempena Hari Ozon Antarabangsa dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan melindungi lapisan ozon daripada ancaman Bahan Pemusnah Ozon (BPO) seperti Klorofluorokarbon (CFC) dan lain-lain. Tema Hari Ozon Sedunia tahun 2022 adalah “Montreal Protocol – Global Cooperation Protecting Life on Earth” menunjukkan keberkesanan Protokol Montreal dalam memastikan lapisan ozon sentiasa terpelihara. Antara program yang telah dilaksanakan oleh JASWPKL adalah seperti **Gambar 4.14** dan **Gambar 4.15** di bawah.



**Gambar 4.14: Program Kempen Pengumpulan E-waste di Ibu Pejabat TNB sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2022**



**Gambar 4.15:** Pameran dan Booth Rakan Alam Sekitar sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2022

### Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) disambut pada 21 Oktober setiap tahun yang bertujuan menggalakkan seluruh masyarakat agar sama-sama merayakan semangat kecintaan kepada alam sekitar. Antara program sempena sambutan HASN 2022 yang telah dilaksanakan oleh JASWPKL adalah seperti **Gambar 4.16** sehingga **Gambar 4.18** di bawah.

**Pertandingan FOTOGRAFI**  
Ambil gambar kreatif bertemakan  
Pembangunan dan Alam Sekitar  
Sempena

HARI ALAM SEKITAR NEGARA  
Mencintai, Menjaga, Menghormati

DAFTAR RAS


**SYARAT PENYERTAAN**

- Daftar sebagai ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) JAS WPKL
- Like dan Follow Instagram @doewpkl dan Twitter @DoeWPKL
- Muat naik Gambar ke akaun Instagram atau Twitter anda

**TEMPOH PENYERTAAN**  
**15 SEPT - 15 OKT 2022**

**HADIAH**  
**TEMPAT PERTAMA:**  
RM 600 & SIJIL

**Gambar 4.16:** Pertandingan Fotografi sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara



**Gambar 4.17: Penyertaan Pertandingan Fotografi sempena HASN 2022**



**Gambar 4.18: Program Larian Climate Change Run sempena HASN 2022**

## Program Pencegahan Pembakaran Terbuka Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat JASWPKL

JASWPKL telah melaksanakan program bersama komuniti di bawah peruntukkan Program Pencegahan Dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu. Program ini adalah bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Program ini telah dirasmikan oleh Dato' Ts. Dr. Hj. Mohammad Ezanni b. Mat Salleh Timbalan Pengarah, JASWPKL. Program ini merupakan usaha untuk menangani pencemaran udara dan memberi kesedaran kepada masyarakat setempat tentang impak negatif daripada aktiviti pembakaran terbuka. Gambar di sekitar program seperti **Gambar 4.19** sehingga **Gambar 4.21**.



**Gambar 4.19:** Program Pencegahan Pembakaran Terbuka sempena HASN 2022



Gambar 4.20: Program Komuniti - Pencegahan Pembakaran Terbuka

## 234 Aduan Pembakaran Terbuka Diterima Di Kuala Lumpur

21 Okt 2022, 1:29pm



Oleh Ridhwan Rusydi Azri Roslan

KUALA LUMPUR: Sebanyak 234 aduan diterima Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur membabitkan kes pembakaran terbuka sejak Januari hingga Ogos tahun ini.

Timbalan Pengarahnya, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh berkata, kebanyakan aduan membabitkan kawasan kediaman seperti taman perumahan sekali gus turut menyumbang kepada pencemaran udara.

**Gambar 4.21: Liputan media Program Pencegahan Pembakaran Terbuka oleh TV3**



**Jabatan Alam Sekitar  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

3, Jln Sungai Besi, Pudu,  
55200 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tel : 03-9221 5543

[www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)

ISBN 978-0-618-26030-0



9 780618 260300